

**Tarikh Dibaca: 04 OGOS 2023M | 17 MUHARRAM 1445H**



**جَابَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ**  
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“AMANAH; BENARKAH SIFAT YANG  
MAKIN TERHAKIS?”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## “AMANA; BENARKAH SIFAT YANG MAKIN TERHAKIS?”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ  
وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ  
ظَلُومًا جَهُولًا.<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾<sup>2</sup>

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian, marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.

<sup>1</sup> Al-Ahzab : 72.

<sup>2</sup> Ali-Imran : 102.



Khutbah pada hari ini akan membicarakan satu tajuk, iaitu **"AMANAHAH; BENARKAH IANYA SEMAKIN TERHAKIS?"**

**Hadirin yang dirahmati Allah,**

Dalam mengharungi kehidupan dunia yang semakin mencabar, prinsip dan tuntutan Islam hendaklah terus diamalkan dan dipertahankan. Apa yang menyedihkan, maruah umat Islam hari ini semakin tercalar dan terhakis bila terdapat segelintir umat Islam yang diberi amanah tenggelam dalam gelombang kerakusan mengejar habuan dunia yang bersifat sementara ini. Sejak kebelakangan ini kita sering mendengar kes-kes yang melibatkan umat Islam terpalit dengan amalan rasuah, penyelewengan wang yang diamanahkan serta ketiadaan integriti.

Sifat amanah merupakan satu daripada empat sifat yang wajib bagi para Nabi dan Rasul Alaihimussalam. Amanah ke atas setiap umat Islam yang mukallaf oleh Allah SWT adalah amanah yang sangat besar dan berat mencakupi semua aspek kehidupan umat di dunia ini. Maksud firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 72 yang dibacakan di awal khutbah tadi:

*"Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan."*

**Hadirin sidang Jumaat sekalian,**

Perbuatan pecah amanah telah menjangkau bukan sahaja sektor perkhidmatan awam dan swasta malah Institusi agama juga turut terpalit di



dalam gejala ini. Jika ianya tidak ditangani dengan tegas dan segera nescaya akan terus menular dalam kalangan generasi yang akan datang.

Hal ini disebabkan ada segelintir manusia tidak berhati perut dan hanya mementingkan diri sendiri, telah menodai amanah dan kepercayaan yang diberi oleh organisasi atau majikannya. Perbuatan seumpama ini bukan sahaja memalukan umat Islam seluruhnya, bahkan perbuatan tercela ini turut melanggar tuntutan agama Islam.

### **Hadirin sekalian,**

Khatib mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan pegawai-pegawai dari Agensi-agensi Islam Negeri Selangor yang diamanahkan menjaga dan mengurus wang umat Islam seperti wang zakat, Baitul Mal, dana anak yatim, dana infak umat Islam, dana infak jemaah masjid dan surau serta wang fidyah diingatkan agar terus memelihara amanah yang diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab dan penuh kejujuran.

Pegawai yang diamanahkan dengan pengurusan wang ringgit mestilah mempunyai sifat-sifat amanah dan jujur kerana tugas mereka berurusan dengan harta dan wang ringgit. Hilangnya sifat amanah dari kalangan pegawai, bererti terancamnya sumber kewangan Islam bagi memakmurkan kehidupan umat Islam. Takutilah azab dan hukuman Allah yang menanti di alam barzakh dan di akhirat nanti dengan tidak menyeleweng dan mengkhianati amanah yang dipikul.

Anas Bin Malik Radiallahuanhu memberitahu, bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW:

*"Apabila aku menyerahkan zakat kepada utusanmu, apakah aku bebas daripada tanggungan zakat itu kepada Allah dan Rasul-Nya?". Rasulullah SAW menjawab: "Benar, apabila engkau telah tunaikan zakat itu kepada utusanku maka engkau telah bebas daripada tanggungan zakat itu kepada*



*Allah dan Rasul-Nya. Dan engkau sudah mendapatkan pahalanya, sedang dosanya ditanggung orang yang menyelewengkannya."*

*(Riwayat Ahmad).*

### **Hadirin yang berbahagia,**

Allah SWT memerintahkan kita agar menunaikan amanah dan Allah memuji hamba-hamba-Nya yang teguh dalam menjaga amanah sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Mukminun ayat 8:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ

*"Dan mereka yang menjaga amanah dan janji mereka."*

Maka, marilah sama-sama kita hayati perintah Allah ini kerana melaksanakan amanah merupakan tanda kesempurnaan iman seseorang muslim. Kegagalan kita di dalam menjaga amanah dan tidak jujur dalam melaksanakan tanggungjawab akan menghakis keyakinan masyarakat terhadap Institusi agama Islam. Jauhilah sikap yang menganggap kedudukan adalah suatu keistimewaan, menggunakan jawatan dan kuasa untuk mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri. Jangan biarkan hasutan syaitan dan kerakusan nafsu mengawal diri sehingga sanggup menggadai maruah diri bak kata peribahasa melayu "harapkan pegar, pegar makan padi". Jika umat Islam yang diamanahkan menjaga dan mengurus harta umat Islam sanggup melakukan pengkhianatan dan penipuan, maka pada siapa lagi yang boleh diharapkan untuk menjaga kepentingan umat Islam ini.

Oleh itu, amanah merupakan suatu tanggungjawab yang wajib dititik beratkan untuk ditunai dan dijaga dengan baik, meskipun adakalanya ia tidak semudah sepertimana yang dituturkan. Apatah lagi apabila melihat peluang dan kesempatan yang terbentang luas di hadapan mata. Maka, beringatlah, jangan kita mempersia-siakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan



kepada kita. Walaupun nilai amanah itu mungkin kelihatan kecil di mata kita, namun ianya tetap dihitung dan dibalas oleh Allah SWT.

Khatib menasihatkan umat Islam yang mengetahui mana-mana pihak yang mengkhianati amanah, maka laporkanlah segera kepada pihak berkuasa agar kita dapat sama-sama membendung gejala buruk ini dari terus merebak dalam masyarakat. Jadilah umat Islam yang sentiasa peka dan menzahirkan penentangan terhadap segala pengkhianatan di depan mata.

Pentingnya sifat amanah ini hinggakan Nabi SAW memerintahkan agar kita menunaikan amanah walaupun kepada orang yang mengkhianati kita. Inilah sifat sebenar muslim yang sejati. Ini kerana Baginda SAW tidak mahu umatnya saling mengkhianati antara satu sama lain sehingga akhirnya masyarakat menjadi porak peranda. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَدِّ الْأَمَانََةَ إِلَى مَنِ اتَّمَنَّاكَ، وَلَا تَخُنْ مَنْ خَانَكَ

*"Tunaikanlah amanah kepada orang yang memberi amanah kepadamu, dan janganlah kamu khianati orang yang mengkhianatimu."*

*(Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi).*

Sedangkan perbuatan khianat terhadap orang yang mengkhianati kita pun tidak dibenarkan, maka sudah tentumelakukan khianat terhadap orang yang tidak mengkhianati kita itu lebih jelas lagi dilarang dan ditegah oleh .Baginda SAW Bahkan orang yang khianat itu pasti akan dicampakkan oleh Allah SWT ke dalam api neraka, walaupun di dunia ini ia mungkin terselamat.

Saidina 'Umar bin al-Khattab Radiallahuanhu pernah menceritakan:



*“Ketika selesai perang Khaibar, maka sekumpulan sahabat Nabi SAW tiba seraya berkata: 'Si fulan mati syahid, si fulan mati syahid', sehingga mereka melewati seorang lelaki dan berkata: 'Si fulan mati syahid.' Lalu Rasulullah SAW bersabda: "Tidak sekali-kali, sesungguhnya aku melihatnya berada di dalam api neraka akibat sehelai pakaian atau jubah yang dia ambil (daripada rampasan perang sebelum dibahagikan).”*

*(Riwayat Muslim).*

Jika pakaian atau jubah yang diambil secara khianat yang mana harganya tidakseberapa itu pun menyebabkan pelakunya dicampakkan ke dalam api neraka, maka bayangkan pula bagaimana keadaan orang yang menggelapkan wang sehingga menjangkau ratusan malah jutaan ringgit nilainya?

### **Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari Jumaat yang berbahagia ini, antara kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah ini adalah:

1. Umat Islam wajib bersifat amanah dalam melaksanakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan serta yakin diri sentiasa diawasi dan takut kepada azab Allah SWT.
2. Umat Islam perlu berpegang teguh dengan akhlak mulia yang merupakan kunci bagi kecemerlangan di dunia dan keselamatan di hari .akhirat kelak
3. Umat Islam hendaklah menjauhi perbuatan khianat walau sekecil mana pun amanah yang dipikul serta bekerjasama untuk membanteras salah guna kuasa dan pecah amanah yang berlaku.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ  
بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
سَمِيعًا بَصِيرًا.

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukuman di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat."*

*(al-Nisa' : 58).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاهْلِكَ  
الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ  
الْحَجِّ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحْحَةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعَكَوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk



dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.